

TARIKH: 17/6/23  
SURAT KHABAR: Kosmo  
MUKA SURAT: 15

## Pekerja pembersihan juga ada sijil kemahiran

**SEREMBAN** – Seramai 47 pekerja pembersihan syarikat konsesi pengurusan sisa pepejal dan pembersihan awam, SWM Environment Sdn. Bhd. (SWM Environment) di negeri ini ditauliah dengan Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Tahap 2 semalam.

Ia melalui Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Negeri Sembilan.

Pengarah SWCorp Negeri Sembilan, Siti Yusnita Mohamad Yusof berkata, pentauliahian sejak tahun 2019 itu melalui Skim Latihan Dual Negara (SLDN) iaitu sijil pentauliahian berdasarkan cara kerja sistematik dan sempurna.

"Dengan adanya inisiatif sebegini, kita tidak hanya meningkatkan kualiti hidup pekerja pembersihan malah juga meningkatkan keupayaan mereka untuk beri perkhidmatan dengan berkesan dan cekap.

"Latihan bagi memastikan mereka (pekerja pembersihan) ini mengikuti latihan dan pemeriksaan selama enam bulan pada setiap hujung minggu.

"SLDN mengiktiraf mereka (pekerja pembersihan) agar mereka mempunyai kemahiran untuk menggunakan mesin jentera atau memotong rumput. Kesemua modul latihan tersebut mendapat kelulusan Jabatan Pembangunan Kemahiran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas sambutan Hari Pekerja Pembersihan di Depoh SWM Environment di sini semalam.

Dalam pada itu, Pengurus Besar Korporat SWM Environment, Mohd. Norlisam Mohd. Nordin berkata, sehingga kini, seramai 145 orang pekerja syarikat itu di Negeri Sembilan, Melaka dan Johor telah berjaya mendapat sijil pentauliahian berkenaan.



**SEBAHAGIAN** penerima sijil pekerja contoh syarikat SWM Environment sempena sambutan Hari Pekerja Pembersihan di Seremban semalam.

Kosmo 17/6/23 MS 15